

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 23. (Februari, 2007M: Muharram/Safar, 1428H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

BERSATULAH WAHAI UMAT ISLAM

Setelah Muhammad Sallallahu 'alaihi wa Sallam diangkat menjadi Rasul, maka baginda telah bertungkus lumus dan bermati-matian mendakwahkan agama Allah kepada semua manusia. Muhammad Sallallahu 'alaihi wa Sallam yang hanya keseorangan pada waktu itu telah menentang keseluruhan aqidah, agama, kepercayaan, adat-istiadat, dan segala jenis ikatan yang ada di dalam masyarakat Jahiliyyah di kota Makkah. Dengan satu kalimah tauhid, La ilaha illallah Muhammad Rasulullah yang dengannya Muhammad diutus, maka sesiapa sahaja yang memeluk agama Allah disatukan dengan satu ikatan yang kukuh. Ikatan ini tidak lain adalah ikatan aqidah. Ikatan aqidah yang dibawa oleh Muhammad ini tidak lagi mengenal dan mengiktiraf ikatan-ikatan lain yang mengikat manusia pada ketika itu seperti ikatan Qaumiyah, Assabiyyah, Wathaniyyah dan sebagainya. Setelah manusia mengikat diri mereka dengan ikatan yang baru ini, maka mereka bersatu tanpa mengira kaum, bangsa, pangkat dan darjat. Maka terburailah segala ikatan-ikatan Jahiliyyah yang ada pada manusia, kecuali mereka yang masih kekal di dalam kekufuran.

Setelah memeluk agama Allah yang baru ini, maka orang-orang yang bersama dengan Muhammad ini telah menukar agenda perjuangan mereka. Tiada lagi perjuangan keluarga, kaum, bangsa dan tanahair; agenda perjuangan mereka hanyalah untuk Islam semata. Mereka hidup hanya untuk Islam. Ikatan mereka adalah ikatan Islam walaupun ada yang berkulit merah dan ada yang hitam. Mereka berpegang teguh dan bersatu di bawah kalimah yang sama. Mereka mendengar dan taat akan sabda Nabi mereka bahawa "Bukanlah dariku orang-orang yang berkata-kata atas assabiyyah, berperang atas assabiyyah dan mati kerana assabiyyah". Oleh itu, mereka hanya berkata-kata dengan Islam, berperang kerana Islam dan mati kerana Islam. Mereka memahami bahawa Muhammad diutus untuk menghapuskan segala ikatan bangsa dan tanahair dan menggantinya dengan ikatan Islam semata. Oleh itu, mereka telah menjadikan Islam sebagai agama hidup dan mati mereka. Inilah agenda perjuangan mereka.

Setelah Islam menjadi satu-satunya ikatan yang mengikat dan menyatupadukan mereka, hal ini telah menjadi keresahan dan kegelisahan kafir Quraish. Kafir Quraish mula memusuhi Muhammad dan pengikutnya, hanya semata-mata kerana Muhammad menyatukan mereka dengan ikatan yang baru ini, yang tidak membezakan di antara kaya dan miskin, tuan dan hamba, yang berpangkat atau tidak. Semuanya diikat dengan kalimah yang sama. Jika dahulu kaum Jahiliyyah ini bergaduh dan sanggup berperang hanya kerana ikatan kesukuan, setelah kedatangan Muhammad, mereka sekarang bergaduh dan ingin memerangi kelompok yang telah diikat dengan ikatan yang baru ini (ikatan Islam). Begitulah kebencian orang-orang kafir terhadap ikatan yang baru muncul ini. Kebencian ini menyebabkan mereka tidak henti-henti memerangi Muhammad. Kebencian ini wujud hanya kerana Muhammad menyeru agar manusia mengucapkan bahawa 'Tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasul Allah'. Kebencian inilah yang diwarisi oleh kaum kuffar sekarang. Mereka tidak sanggup dan tidak akan membiarkan umat Muhammad kembali bersatu di atas ikatan ini. Mereka akan memerangi mana-mana kelompok yang berusaha untuk menyatukan semula umat Muhammad di atas asas ini.

Wahai kaum Muslimin! Agenda perjuangan kalian adalah ISLAM! Inilah agenda perjuangan Rasulullah. Tidakkah kalian sedar bahawa Rasulullah itu adalah orang Arab, tetapi baginda tidak pernah menjadikan bangsa Arab sebagai agenda perjuangan? Tidakkah kalian sedar bahawa

Jadual Aktiviti / Pengajian Maghrib Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/02 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
02/02 (Jumaat)	Ust. Hj Azizi Mat Yakob	Feqah
03/02 (Sabtu)	Ust Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
04/02 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
05/02 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
06/02 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
07/02 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
08/02 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
09/02 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
10/02 (Sabtu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
11/02 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
12/02 (Isnin)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
13/02 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
14/02 (Rabu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
15/02 (Khamis)	Ust Mohd Fadzil	Isu Semasa
16/02 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Yaakon	Feqah
17/02 (Sabtu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
18/02 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
19/02 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
20/02 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
21/02 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Umum
22/02 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
23/02 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
24/02 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
25/02 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
26/02 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
27/02 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
28/02 (Rabu)	Ust Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
<u>Kuliah Suboh</u>		
03/02 (Sabtu)	Pengerusi Surau Al Ulum	Umum
04/02 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abdul Wahab	Hadith
10/02 (Sabtu)	Ust. Nik Radzi Nik Mat	Umum
11/02 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
17/02 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
18/02 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
24/02 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
25/02 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'tompok-topok hitam' dalam hati kita. Nota: Jadual di atas tertakluk kepada pindaan, sila rujuk papan kenyataan di Surau untuk pindaan jadual terkini.

ALAM BARZAKH

- Istilah atau maksud "Barzakh" itu ialah tempat. Manusia yang mati yang duduk dalam kubur ini tak berbuat apa-apa, dia cuma menunggu apa yang akan terjadi samada dia akan pergi ke syurga atau pun ke neraka.
- Manusia yang mati, yang berada dalam kubur itu hanya meninggalkan rohnya sahaja sementara jasadnya sudah tiada lagi.
- Barzakh ada dua yakni :-
 - a) Barzakh Syurga untuk orang - orang mukmin; dan
 - b) Barzakh Neraka untuk orang - orang yang kufur dan ingkar pada Allah Taala;
- Roh orang - orang yang soleh dan mukmin ini akan berehat-rehat sahaja, rohnya akan tidur dengan aman dan tenang. Bila rohnya terjaga, rohnya akan tertanya - tanya bila nak kiamat. Kuburnya pula luas dan terang-benderang seperti diterangi oleh bulan purnama.
- Roh orang - orang yang kufur dan ingkar pada Allah taala pula akan berada dalam keadaan terseksa. Rohnya pula tidak aman kerana diseksa oleh malaikat. Kuburnya pula sempit dan gelap gelita.
- Orang yang mati bila berada dialam kubur akan didatangi dan ditanya oleh 2 malaikat, iaitu Malaikat Munkar dan Nankir, lalu jika rohnya tidak dapat menjawab soalan-soalan 2 malaikat itu, maka rohnya akan dipukul hingga masuk kedalam lubang dunia (7 petala bumi) lepas itu rohnya akan dicungkil semula oleh malaikat-malaikat tersebut dan akan ditanya balik soalan-soalan yang sama. Jika rohnya masih tidak boleh menjawab soalan-soalan itu, maka proses dipukul dan dicungkil akan berulang semula.
- Orang - orang yang menentang para Ulamak, dialam kubur nanti rohnya akan diseksa oleh babi.
- Hadis sohih - Nabi ada beri peringatan, kelak dari 10,000 manusia hanya 1,000 saja yang masuk syurga, bakinya ke neraka. Orang - orang perempuan yang banyak masuk neraka kerana mereka ini ingkar pada suami dan mereka ini juga tidak menutup aurat.
Note 1 : Para isteri senang nak masuk syurga, yakni dengan mentaati suaminya (suaminya perlulah suami yang soleh dan beriman)
Note 2 : Perempuan - perempuan yang tidak menjaga dan menutup auratnya dengan betul walau sebanyak mana dia buat amal kebajikan pun tetap akan masuk neraka
- Manusia akan melalui 4 kampung :-
 1. Kampung pertama ialah perut ibunya yakni tempat dimana proses pembentukan manusia terjadi;
 2. Kampung kedua ialah dunia dimana umat Nabi Muhammad akan hidup sampai umurnya 63 tahun dan jika umurnya lebih daripada itu, merupakan satu bonus atau subsidi baginya;
 3. Kampung ketiga ialah alam barzakh yakni tempat yang pasti semuanya merasai; dan
 4. Kampung keempat ialah alam akhirat yakni tempat yang pasti semuanya hadir. Pada masa ini kita akan nampak bermacam-macam golongan yang mana golongan peluhnya keluar hingga ke tumit, ada golongan yang peluhnya keluar sampai ke lutut dan bermacam-macam lagi kerana matahari berada hanya sejengkal dari kepala kita.

Nota tambahan :

Ada pendapat mengatakan bahawa Ulamak meminta supaya jangan dimatikan pada zaman fitnah iaitu pada zaman dajal. Dajal ini ada satu mata, tubuhnya besar dan tinggi serta mempunyai sayap yang luas. Ia akan mengatakan bahawa sayapnya yang belah kanan adalah syurga (sebenarnya adalah neraka) dan sayap belah kirinya adalah neraka (sebenarnya adalah syurga), memakai cincin yang kononnya cincin Nabi Suleiman dan membawa tongkat dari kayu koka yang kononnya tongkat Nabi Musa. Dajal ini membawa fitnah dan memperdaya manusia - manusia supaya mengakui bahawa Dajal ini adalah Allah swt yang memiliki kuasa yang besar yang kononnya dapat menyelamatkan manusia untuk masuk ke syurga.

Catatan Kuliah Maghrib Ustaz Amin pada 17/01/2007
/horhanizah mohamad

Catatan adalah berdasarkan pemahaman pencatat. Agar anda tidak tercicir ilmu sebenar yang disampaikan, sila penuh temujanji kita bersama tenaga pengajar/penceramah jemputan pengajian di Surau Al Ulum setiap malam

SOLAT TIANG AGAMA

- Solat 5 waktu adalah seperti kita mandi 5 kali sehari. Barangsiapa yang berwuduk, maka gugurlah dosa-dosa yang dilakukan oleh anggota-anggota wuduk tersebut, dengan syarat wuduknya dijaga dengan teliti dan betul.
- Manusia yang bersolat 5 waktu, insyaallah dihapuskan dosa-dosa kecilnya. Dosa besar pula hanya boleh dihapuskan dengan melakukan taubat nasuha. Antara dosa-dosa besar ialah tidak bersolat, tidak berpuasa
- Bila berwuduk, peliharalah betul-betul wuduk itu, baik yang wajib mahupun yang sunat.
- Bila bersolat, peliharalah waktu solat iaitu solat diawal-awal waktu, kecuali dalam keadaan darurat.
Orang yang menjaga wuduknya, tertib solatnya dan waktu solatnya, Allah haramkan api neraka keatasnya.
Orang yang malas bersolat akan masuk ke dalam lembah "wil" dalam neraka, yang mana lembah "wil" ini penghuninya adalah kala jengking.
- Wasiat terakhir yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w ketika hendak meninggal dunia:-
 - Jangan tinggalkan solat; Solatlah yang membezakan orang Islam dengan orang-orang munafik; Orang munafik pada zahirnya Islam tetapi batinnya kafir; Orang-orang munafik duduk ditangga terbawah sekali didalam neraka;
 - Jangan mengabdikan hamba-hamba abdi atau pembantu rumah; Jangan seksa mereka ini dengan kerja-kerja diluar kudratnya atau kuasanya.
- Orang yang meninggalkan perkara-perkara wajib seperti solat, puasa, zakat, haji, menutup aurat, tidak bertanggung-jawab pada kedua ibu-bapa, orang-orang ini namanya akan terpampang di pintu neraka. Orang-orang ini juga adalah orang-orang yang celaka hidupnya. Hidupnya tak ada keberkatan dari Allah, hidup dalam kemurkaan Allah dan Allah akan undangkan bala' kepada mereka.
Orang yang meninggalkan solat, maka Allah tidak terima sedekahnya / puasanya / hajinya.
- Pra-syarat orang yang beriman:-
 1. yakin dalam hati bahawa Allah itu adalah segalanya;
 2. melafazkan dengan lidah seperti berzikir / menyebut nama Allah selalu;
 3. melakukan dengan perbuatan segala perintah Allah;
- 10 golongan dimurkai Allah, lalu diheret ke pintu neraka hingga berguguran daging pipinya:-
 1. orang yang sudah lampau umurnya 40 tahun keatas tetapi dia masih galak membuat zina dengan cara yang salah;
 2. Imam atau ketua pemimpin yang berdusta; mereka ini yang dusta dan bohong dengan hukum agama Allah. Mereka ini membelakangi Allah (Imam disini termasuklah suami/bapa/ketua pejabat/ketua kampung/ semua ketua-ketua); (Orang yang menyebarkan fitnah dengan menggunakan hadis/ayat-ayat al-quran / kata-kata yang manis hingga mengelirukan orang lain, maka orang-orang ini akan menggantung lidah mereka sendiri di neraka kelak)
 3. Orang yang berkali-kali minum arak / tuak / minuman-minuman yang memabukkan;
 4. Orang yang derhaka kepada kedua ibu dan bapanya; tetapi perkara yang tidak mengikut syariat agama Islam, maka tak payah mentaati mereka; Derhaka yang dibolehkan terhadap ibu-bapa apabila mereka menyuruh kita syirik pada Allah;
 5. Orang yang mengumpat atau mengeji orang lain; (Dalam peristiwa israk & mikraj, nabi melihat orang-orang yang mengumpat:-
 - dijadikan kukunya dari tembaga api neraka lalu mengorek-ngorek dan mencaric-carik isi mukanya sendiri dengan kuku tembaga itu;
 - hasil dari mencarik-carik isi daging mukanya itu, lalu dia pun makan isi daging itu.
 - Orang itu juga memakan daging mentah
- 6. Orang yang menjadi batu api iaitu suka melaga-lagakan orang lain sehingga menyebabkan pergaduhan diantara dua puak tersebut.
- 7. Orang yang menjadi saksi palsu / saksi dusta;
- 8. Orang yang meninggalkan zakat;
- 9. Orang yang zalim dengan harta orang-orang Islam; Orang ini menindas dan mengambil harta benda orang Islam dengan cara yang tidak benar;
- 10. Orang yang meninggalkan sembahyang melainkan dia bertaubat; (Orang yang meninggalkan sembahyang, nanti diakhirat kelak dia akan dipatuk ular yang mana lehernya sebesar seekor unta).

Catatan Kuliah Maghrib Ustaz Mohd Fauza pada 26/08/2006
/horhanizah mohamad

Catatan adalah berdasarkan pemahaman pencatat. Agar anda tidak tercicir ilmu sebenar yang disampaikan, sila penuh temujanji kita bersama tenaga pengajar/penceramah jemputan pengajian di Surau Al Ulum setiap malam

LOVE QURAN TEST

1. How many surahs are in the Holy Qur'an?
a. 30 b. 114 c. 109 d. 107
2. How many Verses are in the Holy Qur'an?
a. 1000 b. 5000 c. 6666 d. 9999
3. How many stops (waqf) are in the Holy Qur'an?
a. 200 b. 1000 c. 5000 d. 5098
4. How many Tashdeed are in the Holy Qur'an?
a. 20253 b. 19253 c. 19352 d. 20352
5. How many words are in the Holy Qur'an?
a. 77701 b. 77702 c. 77703 d. 77705
6. How many parts is the Holy Qur'an usually divided into?
a. 30 b. 15 c. 7 d. 4
7. How many times is Bismillah Ar-Rahman nir-Rahim repeated in the Holy Qur'an?
a. 100 b. 113 c. 114 d. 115
8. How many chapters start with Bismillah Ar-Rahman nir-Rahim?
a. 114 b. 113 c. 100 d. 115
9. Which chapter of the Holy Qur'an is the only one that does not begin with Bismillah Ar-Rahman nir-Rahim?
a. Rahman b. Zilzaal c. Naml d. Tauba
10. Which surah of the Holy Qur'an is the only one in which Bismillah Ar-Rahman nir-Rahim was revealed twice?
a. Nahl b. Naml c. Najm d. Tauba
11. How many times is the word 'Qur'an' repeated in the Holy Qur'an?
a. 15 b. 25 c. 57 d. 70
12. What is the longest chapter of the Holy Qur'an?
a. Ali Imran b. Nisa c. Maidah d. Al Baqara
13. What is the longest verse of the Holy Qur'an?
a. Al Baqara, vers 282 b. Al Baqara, verse 280
c. Al Baqara, verse 180 d. Nisa, verse 9
14. What is the most disliked thing by Allah, though it is halal and mentioned in the Holy Qur'an?
a. Food of the people of the Book b. Alcoholic Medicine
c. Divorce d. Gambling
15. Which letter is used more times than any other in the Holy Qur'an?
a. Alif b. Nun c. Ya d. Za
16. What is the best night mentioned in the Holy Qur'an?
a. Night of Isra b. Night of Qadar
c. Night of 15th Shaban d. Night of Eid-ul-Fitr
17. What is the only month mentioned in the Holy Qur'an?
a. Rajab b. Ramadan c. Muharram d. Dhul Hija
18. What is the biggest animal mentioned in the Holy Qur'an?
a. Dinosaur b. Elephant c. Rhinoceros d. Camel
19. What is the smallest animal mentioned in the Holy Qur'an?
a. Spider b. Honey Bee c. Gnat d. Amoeba
20. Which surah of the Holy Qur'an is called the Mother of the Qur'an?
a. Al Fatiha b. Ya Sin c. Rahman d. Ikhlas
21. Which surahs start with Al-Hamdulillah?
a. Al Fatiha and Anam b. Kahf and Saba
c. Fatir d. All the above
22. Which surah mentions 27 attributes of Allah?
a. Rahman b. Waqiya c. Hadid d. Saba
23. Which surahs have only one alphabet for their name?
a. Qaf, Sad, Noon b. Alif, Lam, Mim
c. Lam, Mim Noon d. All the above
24. Which surahs start with word "inna..."?
a. Fateh and Nuh b. Qadr and Kauthar
c. All the above d. None of the above

WHY ALLAH ALLOWS PAIN AND SUFFERING

A man went to a barbershop to have his hair cut and his beard trimmed. As the barber began to work, they began to have a good conversation. They talked about so many things and various subjects. When they eventually touched on the subject of god, the barber said: "I don't believe that Allah exists."

"Why do you say that?" Asked the customer.

"Well, you just have to go out in the street to realize that Allah doesn't exist. Tell me, if Allah exists, would there be so many sick people? Would there be abandoned children? If Allah existed, there would be neither suffering nor pain. I can't imagine a loving Allah who would allow all of these things."

The customer thought for a moment, but didn't respond because he didn't want to start an argument. The barber finished his job and the customer left the shop. Just after he left the barbershop, he saw a man in the street with long, stringy, dirty hair and an untrimmed beard.

He looked dirty and unkempt. The customer turned back and entered the barber shop again and he said to the barber: "you know what? Barbers do not exist."

"How can you say that?" Asked the surprised barber. "I am here, and I am a barber. And I just worked on you!"

"No!" The customer exclaimed. "Barbers don't exist because if they did, there would be no people with dirty long hair and untrimmed beards, like that man outside." "Ah, but barbers do exist! That's what happens when people do not come to me."

"Exactly..!"

Affirmed the customer. "That's the point... Allah, too, does exist! That's what happens when people do not go to Him and don't look to Him for help. That's why there's so much pain and suffering in the world."



BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



MAJLIS GOTONG ROYONG BULANAN. Surau kita akan mengadakan majlis ini pada hari Sabtu Kedua setiap bulan. Bagi bulan Februari ini, majlis akan diadakan pada **SABTU 22 Muharram 1428H/10 Februari, 2007** bertempat di Surau Al-Ulum KD9 mulai jam 8.00 pagi. Tuan/puan di Perjiranan Rimba Riang KD9 dan yang berhampiran dijemput untuk bersama-sama memeriahkan majlis tersebut. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sdr Wahab Arshad (012-2838528) atau Ust Ahmad Lutfi Abdul Wahab (017-301 5063).

PEMBANGUNAN SURAU AL ULUM KD9 – Pihak pentadbir Surau bercadang untuk meningkatkan tahap penyelesaian para jemaah dalam beribadah dengan cadangan memasang pendingin hawa untuk dewan solat. Kos yang dijangkakan adalah RM20,000 meliputi pembelian/pemasangan air-con units, pengubahsuaian surau dan peningkatan keupayaan pendawaian elektrik. Penajaan secara individu atau berkumpulan bagi pemasangan setiap unit air-con amatlah dialu-alukan. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sdr Azmay Abd Rahman (012-3663115) atau Bilal Tn Hj Yusof (013-3422197).

TAFALUQUH FI AD DEEN – Pengajian mengikut sistem pembelajaran di Yaman, Mekah dan pondok-pondok Islam di Surau Al Ulum KD baru bermula. Pengajian akan menggunakan kitab-kitab karangan ulama-ulama yang besar. Diantara subjek-subjek yang diajar adalah Al-Quran, Hadith, Feqah, Aqidah, Solat, Bahasa Arab, Qasidah dan Sirah. Muslimin/muslimat yang berminat sila hubungi Ust Ahmad Lutfi Abdul Wahab (017-301 5063).

BACAAN YAASIN DAN TAHLIL ARWAH - (Sekiranya tiada kelas pengajian) Setiap hari Khamis malam Jumaat sepanjang tahun Surau Al-Ulum KD9 mengadakan majlis bacaan Yaasin dan tahlil arwah selepas solat Maghrib bertujuan untuk pengimarahkan surau serta memberi peluang kepada semua untuk memberikan sedekah kepada arwah mereka yang dikasihan. Tuan/puan yang berhajat sila majukan borang permohonan berserta sumbangan ikhlas melalui mana-mana AJK Surau.

Petikan Al-Quran/Hadith

"Dan hendaklah ada diantara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'aruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung. Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka." Maksud Surah Ali-Imran : Ayat 104-105

dari muka depan**Bersatulah Umat Islam**

para sahabat yang mulia juga adalah orang Arab, tetapi mereka tidak pernah memperjuangkan bangsa mereka? Kenapakah kalian masih menjadikan bangsa sebagai agenda perjuangan? Kenapakah kalian masih ingin menjadikan bangsa sebagai ikatan yang mengikat kalian? Kenapakah hanya Melayu yang perlu dibantu, yang perlu diberi perhatian, yang perlu diberi keutamaan, yang perlu diperbincangkan? Kenapa pula bangsa Melayu yang tinggal di selatan Thai tidak pula dibantu atau diperhatikan? Apakah nasib bangsa selain Melayu tidak perlu diperhatikan, walhal mereka adalah saudara seIslam kalian? Inilah racun assabiyah dan wathaniyah yang telah menjadi kanser di dalam tubuh kalian. Sedarlah wahai saudaraku, kalian telah kembali ke zaman Jahiliyyah!

Wahai kaum Muslimin! Kaum kuffar berjaya memecahbelahkan kita apabila mereka menghidupkan semula api nasionalisme dan patriotisme di dalam tubuh kita. Ikatan-ikatan inilah yang telah menyebabkan kita terpecah kepada lebih dari 50 buah negara. Ikatan-ikatan inilah yang menyebabkan umat Islam dan para penguasa mereka tidak bersatu, malah sebaliknya mereka bangga dan bermati-matian mempertahankan sempadan negara mereka yang palsu itu. Ikatan-ikatan kufur inilah yang telah menyebabkan hilangnya rasa persaudaraan dan tanggungjawab di dalam diri umat Islam dan para penguasa kaum Muslimin terhadap saudara mereka yang lain. Kerana ikatan Jahiliyyah inilah mereka hanya menjadi penonton kepada pembunuhan dan penganiayaan yang berlaku ke atas saudara-saudara seagama mereka.

Mereka tidak lagi peduli terhadap pembunuhan dan pembantaian ke atas umat Islam di Palestin, Iraq, Kashmir, Chehnya dan lain-lain. Mereka hanya perlu bersyukur dengan kemanan yang dinikmati oleh negara mereka dan berpeluk tubuh menyaksikan darah ibu-ibu, kakak-kakak dan anak-anak mereka membasahi bumi Iraq, Lebanon dan Palestin. Mereka sedikit pun tidak melihat kitab Allah dan Hadis Rasulullah bahawa Allah dan RasulNya MEWAJIBKAN mereka menghantar pasukan tentera yang mereka miliki demi membela dan menjaga darah kaum Muslimin, di mana sahaja darah-darah tersebut ditumpahkkan di bumi Allah ini. Para penguasa ini hanya menginginkan keselamatan di dunia semata-mata, tanpa memperhitungkan azab Allah yang pedih yang bakal menunggunya di akhirat hasil pengkhianatan yang mereka lakukan!

Atas dasar ini, seluruh kaum Muslimin, terutamanya para penguasa mereka dan pasukan tentera umat Islam diseru agar mereka mendengar dan melihat rintihan serta tangisan saudara-saudara mereka yang mengharap bantuan dari mereka. Sesungguhnya seruan ini adalah sebagai peringatan kepada mereka yang memegang kekuasaan bahawa Allah mengamankan mereka kekuasaan bukan untuk disalahgunakan untuk kepentingan peribadi, untuk kepentingan bangsa, tanahair, apatah lagi untuk tunduk menyembah musuh Allah, tetapi kekuasaan yang Allah anugerahkan kepada mereka hanyalah untuk mereka tunduk kepada Allah dan menegakkan agama Allah di muka bumi ini, sebelum Allah menjemput mereka bertemuNya pada hari yang tiada seorang pun yang berkuasa kecuali Dia. Maka pada hari itu, hilanglah segala kekuasaan dan kekuatan yang mereka miliki dan Allah akan bertanya mereka, 'Siapakah yang berkuasa pada hari ini?'

Dipelik dari Risalah Shoutun Nahdah.

dari muka 3 – Love Quran Test

25. Which surahs are called the Musabbihat?
a. Isra and Hadid
b. Hashr and Juma
c. Taghabun and Ala
d. All the above
26. How many surahs are Makki?
a. 28
b. 86
c. 50
d. 82
27. How many surahs are known as Madani?
a. 28
b. 86
c. 50
d. 82
28. Which surah is the name of the tribe of the Prophet ?
a. Ali Imran
b. Bani Israel
c. Muhammad
d. Quraish
29. Which surah is called the heart of the Holy Qur'an?
a. Rahman
b. Al Baqara
c. Ya Sin
d. Al Fatiha
30. Which surah is also the name of a Ghazwa of the Prophet ?
a. Anaam
b. Anfal
c. Ahzab
d. Ankabut
31. Which surah is the name of a type of metal?
a. Hadid
b. Hujurat
c. Nahl
d. Najm
32. Which surah is also called "Aroos-ul-Qur'an"?
a. Nisa'
b. Noor
c. Ahzab
d. Rahman
33. Which surah condemns the backbiter?
a. Humaza
b. Maoon
c. Lahab
d. Tahreem
34. In which surah is the name of Allah repeated in every verse?
a. Rahman
b. Mujadila
c. Al Falaq
d. An Nas
35. Which surahs are called Muawwihatain?
a. Kafiroon and Ikhlas
b. Al Falaq and An Nas
c. All the above
d. None of the above
36. Which surah's name is a palindrome (reads the same backwards or forwards)?
a. Al Shams
b. Al Qamar
c. Najm
d. Lail
37. Which surahs start with the words "Tabarak al lazi..."?
a. Mulk and Furqaan
b. Mulk and Hashr
c. Furqaan and Hashr
d. Mulk, Furqaan and Hashr
38. How many years were the Makki surahs revealed in?
a. 23 years
b. 13 years
c. 10 years
d. 42 years
39. How many years were the Madani surahs revealed in?
a. 23 years
b. 13 years
c. 10 years
d. 42 years
40. How many surahs are in the 30th part of the Qur'an?
a. 30
b. 33
c. 35
d. 37
41. In which surah is the emigration of the Prophet mentioned?
a. Anfal
b. Hijr
c. Al Baqara
d. Nuh
42. Which surah was revealed twice?
a. Al Fatiha
b. Naml
c. Ikhlas
d. Nas
43. What is the best 'drink' mentioned in the Holy Qur'an?
a. Milk
b. Date syrup
c. Honey
d. Olive Oil
44. What is the best edible thing mentioned in the Holy Qur'an?
a. Pomegranates and grapes
b. Olives
c. Dates
d. Honey

(Are you a TRUE al Quran lover? Check you answers in the next month Buletin Sinar)

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

– Biro Penerbitan & Penerangan